

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTW 311 – Perakaunan Kewangan Pertengahan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA (4) soalan di Bahagian A dan 10 soalan di Bahagian B.

Semua jawapan hendaklah ditulis di atas lembaran jawapan yang disediakan. Setiap jawapan hendaklah dimulakan dengan lembaran jawapan yang baru.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 80 markah dan Bahagian B diperuntukkan 20 markah.

**BAHAGIAN A (80 MARKAH)****SOALAN 1 (20 MARKAH)**

Maklumat berikut diambil dari Imbangan Duga Terselaras Syarikat Kola Berhad pada 31 Disember 2001

	2001 RM	2000 RM
Jualan	250,000	
Belanja Gaji Jualan	8,000	18,700
Belanja Gaji Pentadbiran	7,000	13,200
Belanja Susutnilai	8,000	2,200
Belanja-belanja Lain	6,000	12,400
Belian	168,000	
Pulangan Jualan	1,000	
Inventori 1/1/2001	80,000	
Untung Kasar 2000		68,500
Pendapatan Tertahan 1/1/2000		49,920

**Maklumat Tambahan**

- (i) Pada bulan Disember, akauntan syarikat telah mendapati bahawa belanja susutnilai sebanyak RM5,000 (sebelum cukai) bagi sebahagian dari kelengkapannya tidak direkod pada tahun 2000 dan amaun tersebut dianggap material.
- (ii) Inventori pada 31 Disember 2001 adalah RM75,000.
- (iii) Pada penghujung bulan Oktober 2001, Syarikat Kola Berhad telah menamatkan segmen percetakan yang telah tidak mendatangkan keuntungan. Dari bulan Januari sehingga Oktober, kerugian dari operasi bagi segmen yang ditamatkan adalah RM14,000 sebelum cukai. Pada penghujung Disember 2001, syarikat terpaksa membayar gantirugi kepada pekerjaannya sebanyak RM20,000. Segmen tersebut akan dijual daripada awal Januari 2002 dengan jangkaan keuntungan sebanyak RM3,000.
- (iv) Pada bulan November, Syarikat Kola Berhad telah menjual pelaburannya yang dibeli 10 tahun yang lalu dengan keuntungan sebanyak RM10,000. Pelaburan itu merupakan satu-satunya yang ada dalam syarikat tersebut.
- (v) Pada 1 Januari 2000, syarikat telah menerbitkan bon jangka panjang yang mempunyai nilai matang RM50,000 pada 5 tahun akan datang. Untuk tahun 2000, syarikat bersetuju melunaskan sebarang diskaun/premium bon menggunakan kaedah garis lurus. Pada tahun 2001, syarikat merasakan penggunaan kaedah itu tidak bersesuaian dan bersetuju untuk menggunakan

...3/-

kaedah faedah efektif. Perubahan itu memberi kesan retrospektif kepada akaun syarikat. Belanja-belanja lain adalah termasuk belanja faedah yang dinyatakan mengikut polisi lama. Pelunasan diskaun/premium bon mengikut kedua-dua faedah adalah seperti berikut : -

	Kaedah Garis Lurus RM	Kaedah Faedah Efektif RM
2000	500	625
2001	500	590

- (v) Kadar cukai pendapatan adalah 30%. (Genapkan kepada angka bulat terdekat)

**DIKEHENDAKI :**

- (a) Sediakan Penyata Pendapatan dan Pendapatan Tertahan untuk tahun 2001 bagi Syarikat Kola Berhad.
- (b) Tunjukkan jalan pengiraan.

**SOALAN 2 (20 MARKAH)**

**Syarikat Wiraku Berhad**  
**Kunci Kira-Kira**  
**Pada 31 Disember 2001 dan 2000**

	31 Disember 2001 RM	31 Disember 2000 RM
Tunai	6,000	7,000
Akaun Belum Terima	62,000	51,000
Pelaburan Jangka Pendek	35,000	18,000
Inventori	40,000	60,000
Sewa Prabayar	5,000	4,000
Peralatan Percetakan	154,000	130,000
Susutnilai Berkumpul Peralatan Percetakan	(35,000)	(25,000)
Muhibah	46,000	50,000
<b>Jumlah Aset</b>	<b>313,000</b>	<b>295,000</b>
Akaun Belum Bayar	46,000	40,000
Cukai Belum Bayar	4,000	6,000
Upah Belum Bayar	8,000	4,000
Pinjaman Jangka Pendek Belum Bayar	8,000	10,000
Pinjaman Jangka Panjang Belum Bayar	60,000	69,000
Saham Biasa RM10 konsisten par/tara	100,000	100,000
Saham Keutamaan	30,000	30,000
Pendapatan Tertahan	57,000	36,000
<b>Jumlah Liabiliti dan Ekuiti</b>	<b>313,000</b>	<b>295,000</b>

...4/-

**Syarikat Wiraku Berhad**  
**Penyata Pendapatan**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2001**

	RM	RM
Jualan		338,150
Kos Barang Dijual		175,000
<b>Untung Kasar</b>		<b>163,150</b>
Perbelanjaan Operasi		120,000
<b>Untung Operasi</b>		<b>43,150</b>
Belanja Faedah	11,400	
Hasil atas Penjualan Peralatan	2,000	9,400
<b>Pendapatan Sebelum Cukai</b>		<b>33,750</b>
Belanja Cukai		6,750
<b>Pendapatan Bersih</b>		<b>27,000</b>

**Maklumat Tambahan**

- (i) Dividen sebanyak RM6,000 dibayar penuh dalam tahun 2001.
- (ii) Belanja susut nilai adalah termasuk dalam perbelanjaan operasi.
- (iii) Tiada hasil tak realis berlaku dalam pelaburan bagi tahun tersebut.
- (iv) Peralatan dengan nilai RM20,000 dan telah disusutnilai 70% dijual dalam tahun 2001.

**DIKEHENDAKI**

- (a) Sediakan Penyata Aliran Tunai untuk tahun berakhir 31 Disember 2001 menggunakan kaedah tidak langsung untuk menunjukkan perubahan baki awal dan akhir tahun tersebut.
- (b) Tunjukkan jalan pengiraan.

**SOALAN 3 (25 MARKAH)**

Syarikat Yang Mahal Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran. Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 1995.

Berikut adalah maklumat ringkas berkaitan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada 31 Disember 2001.

	RM
Aset Semasa	162,550
Aset Tetap	175,700
Liabiliti Semasa	81,300
Liabiliti Jangka Panjang	54,000
Modal Saham	122,000
Pendapatan Tertahan	<u>80,950</u>
Jumlah	676,500

...5/-

- Tarikh Kunci Kira-Kira syarikat ialah pada 31 Disember 2001
- Tarikh penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan ialah 31 Mac 2002

Maklumat di atas belum mengambil kira maklumat tambahan seperti berikut:

- (i) Syarikat ditubuhkan dengan modal diterbitkan sebanyak RM122,000 yang terdiri dari 82,000 modal saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 80,000 7% saham konsisten keutamaan/terutama bernilai RM0.50 setiap satu. Semua modal saham biasa dan saham konsisten keutamaan/terutama telah dibayar penuh. Walau bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk saham tambahan sebanyak 8,000 unit saham biasa pada harga RM1.00 yang diterbitkan pada 1 Oktober 2001. Kesemua saham ini juga habis dilanggan dan dibayar penuh oleh orang awam.
- (ii) Aset tetap adalah terdiri dari tanah dan bangunan yang masing-masing bernilai RM98,500 dan RM35,000. Bangunan telah dibeli oleh syarikat pada 1 Januari 1999. Pelarasan untuk susutnilai bangunan tidak pernah dilakukan. Susutnilai ke atas bangunan adalah berdasarkan kaedah garislurus di sepanjang usiaguna aset yang dianggarkan lapan tahun tanpa nilai sisa. Pelaburan dan Aset Tetap Tak Nyata adalah seperti berikut:

	RM
• Pelaburan Jangka Panjang	13,100
• Muhibah	26,000
• Paten	3,100

- (iii) Maklumat mengenai aset semasa adalah seperti berikut:

	RM
• Inventori	40,100
• Sekuriti Boleh Pasar	6,550
• Insurans Prabayar	1,700
• Akaun Belum Terima	38,000
• Nota Belum Terima	33,200
• Tunai	43,000

Baki akaun belum terima masih belum mengambilkira peruntukan hutang lapuk. Syarikat telah menetapkan 6% dari baki akaun belum terima diperuntukan sebagai hutang lapuk.

- (iv) Pada 30 Oktober 2000 seorang pelanggan telah memfailkan saman terhadap syarikat atas kegagalan syarikat dalam membekalkan produk pada tarikh yang diminta sehingga menyebabkan pelanggan tersebut mengalami kerugian. Perbicaraan mahkamah akan dibuat pada awal April tahun 2002. Mengikut pandangan pakar Syarikat Yang Mahal hampir pasti akan didapati bersalah dalam perbicaraan tersebut dan anggaran denda yang akan dikenakan adalah berjumlah RM34,000.

(v) Maklumat- maklumat lain:

	RM
• Nota Belum Bayar(matang pada 30 Jun 2002)	27,000
• Akaun Belum Bayar	43,800
• Cukai Pendapatan Belum Bayar	4,200
• Gaji Belum Bayar untuk sembilan orang pekerja untuk tempoh dua bulan di mana setiap pekerja bergaji RM350 sebulan.	

(vi) Liabiliti jangka panjang terdiri daripada:

	RM
• Bon Belum Bayar	22,600
• Gadaijanji Belum Bayar	31,400

**DIKEHENDAKI:**

- (a) Sediakan Penyata Kunci Kira-kira bagi Syarikat Yang Mahal Berhad pada 31 Disember 2001 mengikut format yang ditetapkan.
- (b) Tunjukkan jalan pengiraan.

**SOALAN 4 (15 MARKAH)**

Syarikat Akun Berhad mempunyai modal dibenarkan sebanyak 2 juta unit saham biasa dengan nilai tara RM1.00 dan modal diterbitkan 1 juta unit saham biasa dibayar penuh.

Pada awal tahun 2001, ahli lembaga pengarah Syarikat Akun Berhad telah bersetuju untuk meningkatkan modal berbayar dengan mengeluarkan prospektus bagi mempelawa orang awam melanggan 1 juta unit saham biasa pada harga RM1.50 sesaham yang perlu dibayar penuh semasa permohonan.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Mac 2001. Pada tarikh tutup permohonan sebanyak 200,000 permohonan telah terlebih langgan. Lembaga pengarah Syarikat Akun Berhad memutuskan untuk menolak lebihan permohonan langganan dan wang mereka dipulangkan.

**DIKEHENDAKI:**

- (a) Sediakan catatan jurnal untuk merekod semua urusan di atas. Catatan hendaklah dibuat mengikut turutan tarikh urusan. Tunjukkan jalan pengiraan.
- (b) Sediakan Kunci Kira-Kira Syarikat Akun Berhad bahagian ekuiti sahaja selepas mengambilkira semua urusan di atas.

**BAHAGIAN B (20 MARKAH)**

5. Dikehendaki menulis nota ringkas berserta contoh (jika perlu) hanya bagi 10 istilah sahaja dari 15 istilah yang disenaraikan di bawah.
1. prinsip entiti berasingan
  2. sekuriti boleh pasar
  3. perolehan tertahan
  4. liabiliti kontijensi
  5. peristiwa selepas tarikh lembaran
  6. butiran luar biasa
  7. prinsip pengiktirafan hasil
  8. restrospektif
  9. prospektif
  10. rizab am
  11. terbitan hak
  12. nilai tara saham
  13. nilai premium saham
  14. modal dibenarkan
  15. modal berbayar